

15 DISEMBER 2017

Dewan Negara lulus pindaan akta dadah berbahaya

Ms.7

→ ISU

**Dewan Negara
lulus pindaan
akta dadah
berbahaya**

Kuala Lumpur: Dewan Negara semalam meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 yang memperuntukkan kuasa budi bicara mahkamah ketika menjatuhkan hukuman mati.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata pindaan yang diluluskan secara sebulat suara itu perlu dilihat sebagai permulaan positif dan selaras keperluan semasa.

Katanya, RUU itu antara lain diperkenalkan sebagai strategi baharu agenda kerajaan dalam memerangi dadah yang dianggap sebagai musuh utama negara.

"RUU ini mendapat sambutan hangat dalam perbahasan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara apabila kerajaan memasukkan pindaan terhadap 39B Akta 234.

"Ia berkaitan pemansuhan hukuman mati mandatori dan memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman terhadap pesalah dadah," katanya dalam kenyataan, semalam.

RUU Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 sebelum ini dibentangkan menerusi bacaan kali pertama selepas sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, pada 23 November lalu.

**Beri mahkamah kuasa
jatuh hukuman mati**

Pindaan subseksyen 39B (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 atau Akta 234 yang dibawa oleh Azalina bertujuan memberi mahkamah kuasa untuk menjatuhkan hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup dan sebatan tidak kurang daripada 15 kali bagi kesalahan pengedaran dadah.

Bagaimanapun, mahkamah hanya boleh mengambil kira mana-mana hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan baharu 39B (2A)(a)(b) atau (c) yang dicadangkan ketika menjatuhkan hukuman pemenjaraan seumur hidup dan sebatan tidak kurang 15 kali.

Mahkamah hendaklah mengambil kira perakuan secara bertulis oleh pendakwa raya mengenai penentuan pertimbangan bahawa orang yang disabitkan mengikut subseksyen 39B (2) sudah membantu agensi penguatkuasaan mengendalikan aktiviti pengedaran dadah di dalam dan luar Malaysia.



Ia berkaitan pemansuhan hukuman mati mandatori dan memberikan kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman terhadap pesalah dadah"

Azalina Othman Said,
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri